

28 JUL 2003

MAHATHIR-USAHAWAN/I

USAHAWAN CINA BOLEH TUNJUK CONTOH KEPADA PERBADANAN KAYA, ANGKUH

PETALING JAYA, 28 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata usahawan China boleh menunjukkan kepada negara-negara kaya dan perbadanan besar bahawa perniagaan bukan sahaja mengenai mendominasi dunia atau untuk menjadi kaya dengan mengorbankan kepentingan pihak miskin, tetapi ia sebenarnya perkongsian bijak dengan penduduk tempatan.

Sambil membidas negara-negara kaya kerana cuba mendominasi dunia melalui keupayaan mereka untuk mengeksploitasi dan menjana kekayaan, Perdana Menteri berkata usahawan China telah menyumbang kepada kekayaan negara ini dengan bekerjasama dan berkongsi kekayaan dengan penduduk tempatan yang miskin.

Tidak seperti negara dan perbadanan yang kaya, usahawan China tidak tamak, mengaut segalanya, tetapi bersedia berkongsi dengan penduduk tempatan, katanya ketika ditanya mengenai sumbangan yang boleh dimainkan oleh usahawan China dalam dunia globalisasi.

Dr Mahathir berkata demikian ketika sesi soal-jawab di Konvensyen China Sedunia ketujuh di sini hari ini.

Katanya, usahawan China boleh juga menggunakan rangkaian sedunia mereka untuk menyumbang kepada penajaan kekayaan.

Bagi China, Dr Mahathir berkata, ia boleh memainkan peranan besar dalam memastikan kestabilan dan keamanan dengan menyeimbangkan kuasa lain di dunia, selain menjadi makmur dan menjadi satu pasaran yang besar bagi bahagian dunia yang lain.

Sekarang ini, katanya, China seolah-olah menjadi ancaman kepada Asia Tenggara disebabkan keupayaannya menarik pelaburan dengan kos buruhnya rendah, serta berkemahiran tinggi yang sebaliknya memberi kesan kepada eksport produk daripada rantau ini.

"Bagaimanapun, kami merasakan ini sebagai satu tempoh peralihan," kata Dr Mahathir sambil merujuk kepada Jepun yang satu masa dahulu sangat menarik bagi produk berharga murah sebelum kemakmuran dan permintaan bagi upah yang lebih tinggi menolak naik harga produknya.

"Ia tidak berlaku segera di China, tetapi selepas sesuatu tempoh masa, kos di China akan meningkat. Tatkala China menjadi semakin kaya, mereka tidak akan dapat menarik pelaburan asing tetapi akan memerlukan lebih banyak barang-barang dan menjadi satu pasaran yang besar," katanya.

"Dengan itu, kita mesti mengkaji apa yang boleh kita jual kepada China. Kini, kita menjual minyak sawit kepada. Apabila mereka (China) menjadi lebih kaya, mereka menjadi pasaran yang baik (bagi minyak sawit)," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak takut (mengenai anggapan) bahawa China akan menjadi sebuah kuasa besar dan mengangyng setiap orang kerana "ini bukan tradisi China"

"Ada orang datang jauh dari Eropah untuk menjajah kami, tetapi kami dekat dengan China dan mereka tidak menjajah kami," katanya.

Katanya, China menyedari untuk menjadi kaya, seseorang itu tidak perlu menjajah negara-negara tetapi saling bersaing dengan mereka.

Dengan itu, dengan mempunyai rakyat yang rajin dan bijak, China masih boleh menjadi kaya walau tanpa menjajah atau memaksa orang lain menerima sistem China.

Di segi pelaburan, Dr Mahathir berkata, China perlu membuat pengubahsuaian dan mesra pelabur kerana sesetengah proses membabitkan beberapa pihak berkuasa seperti kerajaan [usat, wilayah dan bandaraya.

Katanya, pelabur Malaysia telah mengalami satu insiden di mana selepas

mendapat permit untuk memasang kereta dan selepas melaksanakan beberap kerja, kerajaan pusat tidak meluluskan permit dan rancangan itu dibatalkan.

Sehubungan itu, China perlu mewujudkan undang-undang yang menggalakkan pelaburan.

Bagaimanapun, beliau berkata, banyak penambahbaikan telah diwujudkan dengan ramai pelabur Malaysia di China mencatat keuntungan.

Mengenai soalan mengenai keperluan untuk berdagang dengan Amerika Syarikat, beliau berkata, negara-negara perlu mempelbagai dan tidak sekali-kali berdagang dengan hanya sebuah negara.

Katanya, oleh kerana AS adalah sebuah pasaran yang besar, Malaysia telah berdagang dengan AS di mana 20 peratus produk Malaysia telah dieksport ke sana.

Sungguhpun begitu, AS kini tidak berupaya untuk membeli sebanyak itu sekarang ini dan Malaysia kini perlu mencari pasaran baru di Asia Barat, Eropah Timur dan negara lain, katanya.

Menyentuh mengenai dollar AS, katanya, negara-negara menerima dollar AS sebagai mata wang dunia tetapi adalah tidak perlu untuk menggunakan dollar AS kerana sesebuah negara masih boleh menggunakan mata wangnya sendiri untuk berdagang.

Menurutnya, Malaysia telah lama menggunakan peraturan payaran bilateral dengan tidak membabitkan dollar AS. -- BERNAMA

SHO MR SD AHM

C

BNM-WANG/I

BEKALAN WANG M1, M2 DAN M3 MENGENGANG LAGI PADA JUN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Bekalan wang secara meluas, M3, Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 10 peratus pada akhir Jun 2003 berbanding 9.3 peratus pada akhir Mei 2003 berikutan operasi berian pinjaman bank yang lebih kukuh.

Sementara itu, M1 dan M2 negara menyaksikan pertumbuhan 8.6 peratus dan 8.2 peratus masing-masing berbanding 8.0 peratus dan 7.8 peratus pada pada akhir Mei 2003, demikian menurut Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Siaran Akhbar mengenai Perkembangan Monetari Dan Kewangan untuk Jun 2003 yang dikeluarkan di sini hari ini.

"Operasi Kerajaan telah dipengaruhi oleh peningkatan deposit yang ditempatkan di Bank Pusat berikutan terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM6 bilion pada bulan tersebut," katanya.

Sementara itu, rizab antarabangsa bersih BNM meningkat pada bulan Jun kepada RM140.9 bilion atau AS\$37.1 bilion pada 30 Jun 2003, disokong oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang terus berkekalan.

Paras rizab pada akhir bulan Jun telah mengambil kira pelarasan sukuan yang menghasilkan keuntungan penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasi berjumlah sebanyak AS\$573 juta. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus meningkat kepada RM144.7 bilion atau AS\$38.1 bilion pada 15 Julai 2003.

Kenaikan sebanyak RM3.8 bilion atau AS\$1 bilion pada separuh pertama bulan Julai adalah disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang terus berkekalan dan aliran masuk untuk pelaburan portfolio.

Aliran keluar mencerminkan pembayaran terhadap import perkhidmatan yang biasa dan penghantaran pulang dividen.

"Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.9 bulan import tertanggung dan adalah 4.2 kali hutang luar negara jangka pendek," menurut BNM.

Bank pusat juga menyatakan bahawa kedudukan pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih sistem perbankan terus menurun kepada tahap 6.8 peratus

daripada jumlah pinjaman bersih pada akhir bulan Jun 2003.

Sementara itu, nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing menurun kepada tahap 13.1 peratis dan 10.6 peratus disebabkan peningkatan nilai pelaburan dalam subsidiari berikutan bertambahnya pegangan dalam subsidiari syarikat kewangan oleh sebuah bank perdagangan sebagai sebahagian daripada rasionalisasi kumpulan tersebut.

Jumlah deposit yang dikumpulkan oleh sistem perbankan pula meningkat sebanyak RM2.9 bilion atau 0.6 peratus pada bulan Jun. Pembayaran gaji yang lebih tinggi berpunca daripada bonus pertengahan tahun, merupakan faktor penyumbang dalam pertumbuhan deposit.

Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 7.6 peratus pada akhir Jun berbanding 7.0 peratus pada akhir Mei. -- BERNAMA

FAY KTC JR